

Dr. Mahathir pertahan komen tentang kaum Yahudi

NEW YORK 26 Sept. - Dituduh seorang yang anti-Semitik, Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, beliau hanya menggunakan hak kebebasan bersuara apabila memberi komen mengenai kaum Yahudi.

"Kenapa saya tidak boleh mengatakan sesuatu tentang Yahudi sedangkan ramai orang yang mengatakan tidak baik mengenai saya, mengenai Malaysia dan saya tidak membantah, tidak melakukan demonstrasi," katanya.

Dr. Mahathir yang kini berada di New York untuk menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-74 turut menekankan bahawa orang ramai sepatutnya bersedia mendengar pendapat yang tidak menyebelahi mereka demi kebebasan bersuara.

"Kebebasan bersuara adalah bebas untuk bersuara, apabila anda berkata, anda tidak boleh berkata begitu, anda tidak boleh menjadi anti-Semitik, jadi tiada lagi kebebasan bersuara," katanya ketika menjawab semula soalan daripada hadirin pada Forum Pemimpin Dunia di sini, semalam.

Dr. Mahathir dilaporkan sebelum ini mempersoalkan berapakah jumlah orang Yahudi yang

maut ketika peristiwa Holocaust.

Beliau turut mengimbas kembali seorang wartawan telah dipenjarakan kerana mempertikaikan angka kematian tersebut.

"Saya pernah berkata, siapa yang menentukan jumlah itu. Jika ia menyebelahi (anda), kamu mendapat satu angka, dan yang tidak memihak, kita mendapat angka yang lain.

"Jadi saya terima bahawa Holocaust memang wujud dan ramai orang Yahudi yang dibunuh. Dan pada satu ketika saya amat bersimpati terhadap mereka ketika peperangan itu," katanya.

-BERNAMA



DR. MAHATHIR MOHAMAD menjawab pertanyaan peserta dalam Forum Pemimpin Dunia di Universiti Columbia, New York, Amerika Syarikat kelmarin. **-BERNAMA**